



PELABURAN DI DALAM ASET KRIPTO

WEBINAR PERCUMA

8 APRIL 2021 | 8.30 MALAM - 9.30 MALAM

GAMBARAN KESELURUHAN PROGRAM

Pelaburan di dalam Aset Kripto adalah program yang disediakan untuk pelabur runcit di Malaysia bertujuan memberi kesedaran serta pendidikan kepada orang awam tentang perkara asas semasa melabur dalam empat aset kripto yang diluluskan. Sejak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) membuka laluan untuk mengawal selia aset kripto dengan mengiktiraf beberapa Pengendali Pasaran Diiktiraf ("RMO") / bursa aset digital (DAX) pada Oktober 2019, orang awam masih menjadi mangsa skim penipuan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan keadaan ekonomi yang terjejas kerana pandemik COVID-19. Oleh itu, program ini memberi peluang terbaik untuk masyarakat mempertingkatkan kesedaran masing-masing tentang pelaburan aset kripto. Program ini akan merungkai mitos dan memaparkan fakta sebenar kepada bakal pelabur bagi menambah pengetahuan mereka dalam kelas aset ini, supaya mereka tidak menjadi mangsa penipuan yang menjanjikan pulangan yang tinggi.

OBJEKTIF PROGRAM

Program ini dirancang khas bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dengan informasi yang tepat untuk melabur dalam aset kripto (contoh: Bitcoin, Ethereum, Litecoin dan XRP) secara berhemah dan bertanggungjawab
- Memberi pendedahan kepada peserta tentang ciri-ciri unik, sejarah dan istilah dalam empat aset crypto yang diluluskan; kajian kes untuk pelabur serta kesan COVID-19 terhadap kelas-kelas aset tersebut
- Memaklumkan peserta berkenaan risiko dan ganjaran melabur dalam aset kripto, serta hak (perlindungan) dan tanggungjawab mereka sebagai melabur
- Memberi panduan kepada peserta tentang informasi pengendali-pengendali bursa aset digital yang sah serta kaedah mengenalpasti skim penipuan berkaitan aset kripto.

TUJUAN PEMBELAJARAN

Selesai menghadiri program ini, peserta akan dapat:

- Mengetahui cara melabur aset kripto (contoh: Bitcoin, Ethereum, Litecoin dan XRP) dan menjadi para pelabur yang bijak dan bertanggungjawab
- Menenalpasti ciri-ciri unik, sejarah dan istilah dalam empat aset kripto; kajian kes dan kesan COVID-19 terhadap kelas aset yang dikenalpasti
- Menerangkan penggunaan teknologi di sebalik aset digital, contoh: Blockchain
- Menenalpasti risiko dan ganjaran terlibat dalam pelaburan aset kripto
- Menerangkan hak, tanggungjawab dan kelebihan melabur dalam aset kripto
- Menerangkan bagaimana untuk membuat aduan rasmi kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkenaan penipuan dan/atau pengendali pasaran yang tidak diiktiraf
- Merungkai mitos-mitos berkenaan aset kripto


STANDARD PENTAULIAHAN

- Asas (Produk) – Produk-Produk Pasaran Modal (Kemahiran Tahap 2)
- Asas (Pengawalseliaan) – Pengawalseliaan Produk-Produk Pasaran Modal (Kemahiran Tahap 2)
- Fungsi (Teknikal) – Aplikasi Teknologi Digital (Kemahiran Tahap 2)

AGENDA PROGRAM

- 8.30 malam - 9.30 malam
- Aset Kripto sebagai Kelas Aset Pelaburan
 - Menenalpasti ciri-ciri unik, sejarah dan penggunaan istilah dalam empat aset kripto yang dikenalpasti; kajian kes dan kesan COVID-19 terhadap kelas aset tersebut
 - Penggunaan teknologi dalam pelaburan aset kripto, contoh: Bitcoin
 - Menenalpasti kelebihan dan risiko pelaburan dalam aset kripto
 - Strategi asas pelaburan dalam aset kripto
 - Kepentingan pengawalseliaan serta kaedah yang betul dalam pelaburan aset kripto
 - Hak, tanggungjawab dan kelebihan pelabur aset kripto melalui Pengendali Pasaran Diiktiraf ("RMO")
 - Bagaimana menenalpasti RMO dan membuat aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkenaan skim penipuan dan/atau pengendali pasaran yang tidak diiktiraf

PENCERAMAH



SURAYA ZAINUDIN

Suraya Zainudin merupakan seorang penulis, penceramah dan pemasar digital yang pakar dalam kewangan peribadi dan fintech. Sebagai pengasas kepada salah satu blog kewangan peribadi teratas di Malaysia, RinggitOhRinggit.com, Suraya telah bekerjasama dengan pelbagai organisasi dan komuniti, termasuk berkhidmat sebagai salah satu ahli pengasas ACCESS Blockchain Association. Beliau memegang lesen Certified Bitcoin Professional dari tahun 2017-2019.

Suraya juga merupakan kurator buku Money Stories dari siri-siri buku Malaysia, yang kini terdapat di kedai buku di seluruh negara.